



BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT  
IBU PEJABAT  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
*Fire And Rescue Department of Malaysia*  
Aras 5, Lebu Wawasan, Presint 7  
62250 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Telefon: 603-88880036  
Faks: 603-88880840  
Portal Rasmi: [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
Emel: [korporat.bomba@1govuc.gov.my](mailto:korporat.bomba@1govuc.gov.my)

## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PELANCARAN PBB SWART DAN KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI MONSUN TIMUR LAUT

1. Seramai 23 individu yang terdiri daripada 11 nelayan di Kelantan dan 12 nelayan di Terengganu dipilih untuk menyertai Pasukan Bomba Bantuan *Safety Water Rescue Team* atau ringkasnya SWART sebagai sebahagian daripada persediaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menghadapi Monsun Timur Laut (MTL).
2. Kedua-dua negeri ini dipilih bagi pelaksanaan peringkat pertama PBB SWART melibatkan dua lokasi tumpuan awam yang berisiko iaitu Pantai Dungun dan Kuala Nerus di Terengganu serta Pantai Irama, Bachok dan Pantai Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan.
3. Berucap merasmikan program berkenaan yang berlangsung serentak di Ibu Pejabat JBPM Putrajaya dan di Pantai Irama, Bachok oleh JBPM Kelantan, Menteri KPKT YB Puan Hajjah Zuraida binti Kamaruddin berkata, pelantikan ini sedikit sebanyak dapat membantu ekonomi anggota PBB SWART yang tidak dapat turun ke laut semasa musim monsun. Kewujudan pasukan turut membantu jabatan menyebarkan kempen kesedaran awam berkaitan risiko dan kemerbahayaan selain bertindak sebagai *'first responder'* apabila berlaku insiden atau bencana tidak diingini di kawasan persekitaran pantai yang ditugaskan.
4. KPKT juga katanya menyambut baik keprihatinan pihak Kerajaan yang telah meluluskan kenaikan elaun sebanyak RM2 sejam semasa sesi pembentangan Bajet 2021 dan langkah itu suatu manifestasi pengiktirafan Kerajaan atas pengorbanan dan sumbangan pegawai-pegawai bomba yang turut menjadi *frontliner* dalam membantu negara menangani penularan wabak covid-19.
5. Ujarnya lagi, pelantikan pasukan peringkat pertama PBB SWART ini adalah kerana anggota PBB SWART yang dilantik mahir dengan kawasan persisir pantai berkenaan yang menjadi tumpuan orang ramai dan pelancong khususnya dari luar.

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015  
CERT. NO: QMS 02101



CERTIFIED TO ISO9001 : 2015  
CERT. NO: QMS 02101

6. Berdasarkan statistik JBPM, seramai 260 orang terkorban akibat kes lemas pada 2016, kemudian ia meningkat kepada 327 orang pada tahun 2017, diikuti 309 mangsa lemas pada tahun 2018 dan 232 orang lagi terkorban pada tahun 2019. Data ini menjadikan jumlah keseluruhan seramai 1,128 orang maut akibat mati lemas sepanjang tahun 2016 sehingga 2019.
7. Pada masa ini, JBPM telah mengoperasikan sebanyak 319 buah balai bomba dan sebanyak 148 daripadanya menggunakan khidmat PBB seramai 2,030 orang. Seajar dengan itu, bagi menampung pertambahan kadar elaun dan bilangan PBB untuk mengisi kekosongan di balai-balai baharu yang bakal siap nanti, pihak KPKT akan memperuntukkan tambahan bajet sebanyak RM11.7 juta setahun dan keseluruhan peruntukkan PBB adalah berjumlah RM46.7 juta.
8. Menyentuh mengenai persiapan menghadapi MTL, JBPM telah menyediakan pelan aturgerak strategik dari segi sumber manusia dan logistik serta mengaktifkan *Regional Forward Base* (RFB) bagi menghadapi banjir di seluruh negara untuk digerakkan pada bila-bila masa.
9. Lokasi penempatan aset mengikut zon telah dikenalpasti iaitu Zon Utara di Balai Bomba dan Penyelamat Perda, Pulau Pinang; Zon Selatan di Balai Bomba dan Penyelamat Air Hitam, Johor; dan Zon Timur di Akademi Bomba dan Penyelamat Wilayah Timur, Marang Terengganu.

**Disediakan Oleh:**

**Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
16 November 2020**